



SIARAN MEDIA

LAWATAN KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS)

Selangor, 5 November - YB Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Banjir, Dewan Orang Ramai Dengkil yang dibuka pada 4 November 2020. Pusat Pemindahan Sementara (PPS) ini menempatkan seramai 67 orang mangsa yang terdiri daripada 16 keluarga dari Kampung Cemperai, Dengkil.

Bagi negeri Selangor sebanyak tiga buah PPS masih dibuka yang melibatkan 138 mangsa daripada 35 keluarga. Antara keperluan asas yang disediakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi meringankan beban mereka yang terjejas ialah khemah, tikar, bantal, selimut, toto dan makanan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga hari ini telah membuka sebanyak empat buah pusat pemindahan sementara yang menempatkan seramai 224 mangsa daripada 54 keluarga di dua buah negeri iaitu Selangor dan Negeri Sembilan.

Dalam lawatan ini, YB Datuk Seri Rina berpuas hati dengan persiapan yang telah disediakan dan turut mengingatkan mangsa dan petugas JKM untuk mematuhi *Standard Operation Procedure (SOP)* serta mengamalkan norma baharu seperti mana yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**



YB Datuk Seri Rina menyantuni mangsa banjir di Dewan Orang Ramai, Dengkil, Selangor.